



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Bertam

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR Ir. DR HAJI RASHIDY RAZALI**

**REKTOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

**SEMPENA**

**BERTAM BERAYA : MERIAHNYA AIDILFITRI**

**DI**

**FOYER BLOK MAKMAL**

**PADA**

**18 MEI 202 / 27 SYAWAL 1444**

**(KHAMIS)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحْبِهِ أَحْمَمِعِينَ.

## TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

- 1. Yang Berusaha Encik Amir Heberd Abdullah**  
Penolong Rektor  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Bertam  
Selaku tuan rumah
- 2. Yang Berusaha Prof Madya Ir. Ts. Dr Hajah Siti Noraini Sulaiman**  
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)  
UiTM Cawangan Pulau Pinang
- 3. Yang Berusaha Prof Madya Ts. Dr Basharudin Abdul Hadi**  
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)  
UiTM Cawangan Pulau Pinang
- 4. Yang Berusaha Prof Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani**  
Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri  
Masyarakat & Alumni)  
UiTM Cawangan Pulau Pinang

**5. Yang Berusaha En Norazizi Bin Adinan**

Pengarah Jabatan Alam Sekitar  
Pulau Pinang

**6. Yang Dihormati Superintenden Siti Nor Salawati Saad**

Timbalan Ketua Polis Daerah  
Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

**7. Yang Dihormati Assistant Superitenden Azi Ishak**

Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersil,  
Balai Polis Butterworth  
Pulau Pinang

**8. Yang Berusaha Encik Suhaini Ismail,**  
Jurutera Konsesi Syarikat Segimaju

**9. Yang Berusaha En Mohamad Farmee Saad**  
Pengarah Program Bertam Beraya

**10. Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan, Ahli Pengurusan dan wakil-wakil daripada agensi kerajaan, badan berkanun, swasta dan NGO**

**11. Ahli Jawatankuasa Program seterusnya warga UiTM Cawangan Pulau Pinang yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum w.r.t.  
Salam Malaysia Madani

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد  
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم  
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد  
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang ada di sini. Sesungguhnya, saya secara peribadi ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Penolong Rektor Kampus Bertam, Encik Amir Heberd Abdullah dan semua warga Kampus Bertam kerana menjemput saya ke Majlis Bertam Beraya : Meriahnya Aidilfitri. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan majlis ini. Tidak lupa juga saya mengalu-alukan kehadiran para tetamu istimewa UiTM

Cawangan Pulau Pinang yang terdiri daripada rakan-rakan strategik dan rakan industri yang senantiasa menyokong pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan. Terima kasih semua.

Hadirin sekalian,

2. Aidil fitri juga adalah saat di mana kita harus melapangkan dada serta fikiran bermaaf-maafan sesama sendiri. Andai tersilap bicara, terkasar bahasa, hulurkan lah kedua belah tangan dengan penuh keikhlasan memohon ampun dan maaf baik di kalangan ahli keluarga sendiri, sahabat, teman, rakan sepejabat, jiran tetangga tanpa mengenal usia. Murnikanlah bulan syawal ini dengan saling bermaaf-maafan bagi menggukuhkan dan mempereratkan lagi tali silaturrahim kerana bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Seperti mana bait-bait pepatah inggeris, *let's us forgives and forget.*

3. Adalah menjadi harapan saya dengan adanya majlis seperti ini, ianya dapat mewujudkan satu semangat muhibah dan harmoni di antara warga kampus Bertam khasnya.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Sambutan Hari Raya yang diraikan pada hari ini adalah bersekali dengan sambutan Hari Guru yang diraikan pada 16 Mei setiap tahun. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Guru 2023 untuk semua yang bergelar pensyarah di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Terima kasih atas kesabaran, kebaikan, dan dedikasi yang dicurahkan tanpa henti kepada semua mahasiswa dan mahasiswi UiTM Cawangan Pulau Pinang. Pelbagai perkhabaran gembira dengan kejayaan pelajar dan warga UiTM Cawangan Pulau Pinang baru-baru ini. Tahniah kepada Kumpulan Meraki Pioneers (Menu Rahmah Pauh) yang telah memenangi Johan Keseluruhan Do Good Challenge

dan membawa pulang wang hadiah sebanyak RM 30,000. Tidak terkecuali kumpulan yang turut bertanding iaitu Kumpulan Jadselam (Barber for the needy) dan kumpulan Fempower (Sanitary Pad Vending Machine) yang masing-masing mendapat tempat Ketiga dan Kelima.

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Harapan saya agar pelbagai kecemerlangan dan pengiktirafan untuk UiTM Cawangan Pulau Pinang bagi tahun 2023 akan terus cemerlang dengan tambahan bilangan penyelidikan, penerimaan geran, penerbitan buku, pengiktirafan luar, penganjuran webinar, sukan dan pertandingan dan lain-lain pencapaian.
6. Saya berharap kelestarian dan kecemerlangan UiTM Cawangan Pulau Pinang terus utuh dengan sama-sama mengapai pelbagai kejayaan termasuk di

Kampus Bertam ini. Ianya juga adalah penting untuk mencapai matlamat dan aspirasi UiTM sebagai universiti terkemuka dunia menjelang 2025. Tahniah dan Syabas penganjur iaitu UiTM Bertam atas segala komitmen dan Kerjasama yang telah diberikan,

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian, sebelum saya mengakhiri ucapan saya terima 2 rangkap pantun dari saya;

**Indahnya Langit Kerana Awan**

**Indahnya Lautan Kerana Kebiruan**

**Indahnya Ramadan Kerana Keinsafan**

**Indahnya Syawal kerana Kemaafan**

**Tenang-tenang air di laut**

**Sampan kolek mudik ke tanjung**

**Hati terkenang mulut menyebut**

**Budi semua rasa nak junjung**

Moga silaturrahim diberkati Allah s.w.t.

Dengan lafaz Bismillahirrahma nirrahim saya merasmikan program Bertam Beraya : Meriahnya Aidilfitri.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.